

Bersih sungai ala kadar

Kerja tidak sempurna, penduduk luah kesal



■ Longgokan sisa pembersihan sungai yang membukit di belakang kediaman penduduk.

DENGKIL - Tindakan kontraktor pembersihan sungai membiarkan sisa pembersihan sungai mengundang kemarahan beberapa penduduk di Taman Gemilang di sini.

Penduduk mendakwa, sejak lebih setahun lalu, kerja pembersihan sungai yang dilakukan tidak sempurna di mana pekerja yang terlibat menjalankan kerja selenggara dan pembersihan sungai membiarkan sisa yang dibersihkan di tebing sungai.

Lama kelamaan, sisa buangan tersebut membukit menyebabkan kehidupan harian mereka dibelunggu rasa tidak selesa.

Seorang penduduk, Tan Chin Loy, 56, berkata, sebelum ini, sisa sampah dan pasir-pasir yang dibersihkan dari sungai tersebut akan diangkut oleh lori untuk dibuang ke pusat pelupusan sampah oleh pekerja terbabit.

Bagaimanapun sejak lebih setahun lalu, pekerja berkenaan tidak membersihkan sisa tersebut sebaliknya membiarkan sahaja ia berlonggok dibelakangkan rumahnya.

"Akibat longgokan sisa dan semak samun tersebut, kini ia semakin bertimbun dan memenuhi belakang rumah saya.

"Jika dahulu ruang tanah



■ AMIRUDDIN

di belakang rumah ini rata sehingga ke tebing sungai, kini ianya membukit dan membentuk cerun yang mendatangkan bahaya kepada penduduk," katanya.

Tinjaun Sinar Harian ke lokasi mendapati, sisa buangan projek selenggara sungai membukit setinggi 1.8 meter sehingga menyebabkan belakang rumah penduduk dipenuhi semak samun.

Malah pagar yang dibina bagi keselamatan penduduk di tebing sungai telah runtuh akibat sisa yang dilonggokkan tersebut.

Seorang lagi penduduk, Amiruddin berkata, beliau tidak selesa dengan keadaan tersebut dan mahu pihak berkaitan membersihkan semula ruang tanah di kawasan melibatkan beberapa rumah penduduk.

Menurutnya kehadiran longgokan sisa pembersihan



■ CHIN LOY

itu bukan sekadar menyakitkan mata, sebaliknya turut menimbulkan beberapa masalah lain.

Belakang rumah terpaksa ditutup dan kami bimbang dengan keselamatan keluarga kerana terdedah dengan gangguan haiwan berbisa, serta kehadiran nyamuk yang banyak dari kawasan semak.

Difahamkan, kira-kira dua minggu lalu sekumpulan pekerja menambak pasir bagi menutupi sisa longgokkan tersebut.

Bagaimanapun, pasir yang ditambak terhakis semula kesungai apabila hujan dan akan menyebabkan sungai menjadi cetek.

Pihak berkenaan diminta memantau aktiviti tersebut serta membersihkan semula sisa pembersihan dari kawasan belakang rumah agar penduduk tidak dihantui rasa tidak selesa," katanya.